



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN berkenan bersalaman dengan Ahli Dewan Undangan Negeri sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-13 di Dewan Undangan Negeri, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/SHAFUDIN MOHD. NOR

Segerakan baik pulih akibat banjir – Sultan Mizan

**Oleh RADHUAN HUSSAIN
dan ISWAN SHAFIQ MAT ISA**

pengarang@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 11 Mei – Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin berharap Kerajaan Pusat menyegerakan kelulusan peruntukan yang dimohon oleh kerajaan negeri bagi menyediakan dan membaik pulih prasarana yang musnah atau terjejas akibat banjir penghujung tahun lalu.

Baginda bertitah, bencana itu menyebabkan hampir kesemua daerah di negeri ini terjejas menakala kerosakan harta benda awam seperti jambatan, klinik dan jalan raya dianggarkan mencecah RM302 juta.

Menurut baginda, dalam meringankan beban mangsa, Kerajaan negeri telah memperlihatkan keprihatinan dengan langkah-langkah sewajarnya termasuk menyalurkan bantuan banjir berjumlah RM10.9 juta kepada 21,927 keluarga.

“Bantuan tambahan RM500 untuk setiap keluarga selain bantuan RM500 lagi daripada kera-

jaan Persekutuan mampu membantu meringankan beban rakyat yang ditimpa bencana itu,” titah baginda.

Sultan Mizan bertitah demikian ketika menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu Ke-13 di Wisma Darul Iman di sini hari ini yang dijadual berlangsung selama empat hari berakhir Khamis ini.

Turut berangkat mengiringi baginda ialah Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; isterinya, Toh Puan Seri Halina Zakaria; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Mohd. Zubir Embong; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, para pembesar serta kenamaan negeri.

Menyentuh mengenai sektor industri, baginda mahu kerajaan negeri lebih agresif dalam meningkatkan pelaburan domestik dan asing di samping tumpuan kepada pendekatan baharu.

Menurut baginda, pada tahun lalu sejumlah RM1.72 bilion nilai pelaburan telah berjaya dibawa

masuk ke negeri ini melibatkan sebanyak 43 projek yang dimajukan.

“Kini tumpuan diberi kepada industri pembangunan mesra alam atau teknologi hijau yang berupaya melahirkan dan menarik lebih ramai pelabur selain mewujudkan peluang pekerjaan baharu untuk rakyat.

“Beta difahamkan projek perintis taman solar di Kawasan Perindustrian Sungai Bari pula dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun ini dan projek itu merupakan salah satu usaha kerajaan negeri dalam menyokong Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan.

“Selain itu, beta juga mahu insentif kewangan kepada pekerja dan insentif bagi pembinaan sub station bekalan elektrik diteruskan bagi memberi kelebihan kepada Terengganu dalam menarik lebih minat pelabur untuk melabur di Terengganu,” titah baginda.

Sultan Mizan turut berharap agar semua wakil rakyat sentiasa bekerja dalam satu pasukan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negeri tanpa mengira fahaman politik.